

■ Budak 7 tahun diculik lelaki berkulit hitam dipaksa mengemis

# 'DIA TEKUP MULUT SAYA'

Oleh Muhamaad Razis  
Ismail & Azli Shafii  
am@hmetro.com.my  
Kota Bharu

“**A**da orang tarik saya dari belakang dan tekup mulut. Dia kemudian seret saya keluar dari masjid,” kata Aiman Kamarolzaman, 7, menceritakan semula detik dia diculik seorang lelaki tidak dikenali di Masjid Muhammadiyah Jalan Sultanah Zainab, di sini, Jumaat lalu.

Dalam kejadian jam 9 malam itu, mangsa yang juga pelajar tahun satu itu diculik ketika menemani bapanya Kamarolzaman Mohamad, 50, bersolat Isyak.

Aiman bagaimanapun diselamatkan orang awam jam 5.30 petang kelmarin selepas ditemui merayau meminta sedekah di sebuah pusat beli-belah, di sini.

Menurut Aiman, dia di-

culik ketika sedang bermain di bahagian belakang masjid sementara menunggu bapanya selesai solat Isyak berjemaah.

“Ketika itu jemaah masjid sedang sujud dan saya ditarik keluar dari masjid dalam keadaan mulut ditutup dengan tangan suspek.

“Saya tak boleh buat apa-apa. Orang itu heret saya keluar dan bawa saya berjalan agak jauh ke sebuah rumah. Saya tidak tahu lokasi rumah itu.

“Bila saya sampai (di rumah suspek) ada beberapa kanak-kanak lain di situ. Saya menangis sebab takut dan orang itu pukul belakang badan saya dengan rotan sebanyak dua kali,” katanya ketika ditemui, di sini, semalam.

Mangsa yang juga anak kelapan daripada sembilan

beradik itu mendakwa dia tidak diberikan makan oleh lelaki bengis itu.

Menurutnya, lelaki berkulit hitam itu kemudian mengurungnya sebelum memaksa dia meminta sedekah di sebuah pasar raya keesokan paginya bersama kanak-kanak lain.

“Lelaki itu ugut akan pukul saya lagi jika saya cuba melarikan diri. Namun, saya bernasib baik apabila ada seorang pak cik membantu dan menghantar saya pulang ke kedai ayah di Pasar Siti Khadijah,” katanya masih trauma dengan kejadian itu.

Sementara itu, Kamarolzaman berkata, dia berusaha mencari anaknya di sekitar kawasan masjid sejurus menyedari kehilangan Aiman.

“Saya hanya menemui seliparnya di luar masjid. Se-

lepas dia gagal ditemui saya membuat laporan polis.

“Pada malam itu, saya tidak lena tidur kerana bimbang keselamatannya. Saya bersyukur apabila Aiman berjaya diselamatkan selepas lebih 20 jam diculik,” katanya.

Menurutnya, insiden itu menyebabkan dia kini lebih berhati-hati memantau pergerakan anaknya.

**“Lelaki itu ugut akan pukul saya lagi jika saya cuba melarikan diri”**

Aiman

AIMAN

Harian metro  
25/5/2015  
mls 4





KAMAROLZAMAN bersama Aiman di Pasar Besar Siti Khadijah.

## Polis siasat insiden

**Kota Bharu:** Polis akan menjalankan siasatan terperinci berhubung seorang kanak-kanak yang mendakwa diculik sebelum dipaksa menjadi peminta sedekah di sebuah pasar raya, Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kota Bharu Asisten Komisioner Rohaimi Md Isa berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan wujud sindiket yang menculik dan menjadikan kanak-kanak sebagai peminta sedekah.

“Polis sudah mengambil keterangan mangsa dan berusaha membuat lakaran wajah suspek yang didakwa menculik mangsa.

“Kes itu kini disiasat me-

“**Saya bersyukur kerana dapat menyelamatkan kanak-kanak malang itu daripada terus menjadi mangsa culik”**

**Azirul Izwan**

ngikut Seksyen 363 Kanun Keseksaan,” katanya.

Sementara itu, Azirul Izwan Abdullah, 40, yang menyelamatkan Aiman Kamarolzaman, 7, berkata, dia menemui mangsa ketika sedang bersiar-siar di pasar raya itu.

“Saya dihampiri mangsa bersama dengan seorang remaja lelaki berusia 18 tahun. Mereka kemudian meminta sedekah daripada saya.

“Saya kemudian menyoal mangsa sebelum dia menngis ketakutan. Melihat situasi itu, saya mendesak dan bertanya di mana kanak-kanak itu tinggal,” katanya.

Menurutnya, dia membawa mangsa menunggang motosikal sebelum menghantar Aiman ke kedai bapanya terletak di Pasar Besar Siti Khadijah, di sini.

“Saya bersyukur kerana dapat menyelamatkan kanak-kanak malang itu daripada terus menjadi mangsa culik,” katanya.

